



## KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

### SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 05 TAHUN 2017

#### WAKTU ANJAL BEKERJA KAKITANGAN AKADEMIK

#### 1. TUJUAN

Surat Pekeliling Jabatan Pendaftar ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Kali Ke-65 Bil. (01/2018) berkaitan Waktu Kerja Anjal Bekerja Kakitangan Akademik.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Waktu yang dilaksanakan kini kepada kakitangan akademik adalah empat puluh (40) jam seminggu iaitu Ahad hingga Khamis bersamaan lapan (8) jam waktu bekerja sehari.
- 2.2 Jumlah jam bekerja kakitangan akademik tidak seragam sama ada lapan (8) jam sehari atau empat puluh (40) jam seminggu kerana ianya bergantung kepada keputusan Dekan setiap Kulliyyah/Pusat.

#### 3. WAKTU ANJAL BEKERJA KAKITANGAN AKADEMIK

Waktu Anjal Bekerja Kakitangan Akademik bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan serta sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) yang terbaik kepada para pelajar dan persediaan yang secukupnya bagi kakitangan akademik sebelum mengajar. Di samping itu, dengan adanya Waktu Anjal Bekerja ini kakitangan akademik masih tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 3.1 Kakitangan akademik **DIWAJIBKAN** untuk (*thumbprint*) iaitu mengetik masuk dan keluar. **KEGAGALAN** untuk mengetik keluar adalah dianggap tidak hadir pada hari tersebut.
- 3.2 Pengetik (*thumbprint*) keluar adalah tidak boleh mele过asi jam 8.00 malam. Sekiranya sesi kuliah yang memerlukan masa mele过asi jam 8.00 malam, permohonan kelulusan perlu diberikan oleh Pejabat Timbalan Rektor Akademik dan Antarabangsa.
- 3.3 Kakitangan akademik **DIWAJIBKAN** hadir lima (5) hari bekerja iaitu hari Ahad hingga Khamis kecuali yang melibatkan hari cuti rehat, cuti sakit, cuti tanpa rekod, menghadiri persidangan, seminar, bengkel, latihan dan khidmat masyarakat yang berkaitan dengan keperluan akademik serta mendapat pelepasan dari pengurusan Universiti.
- 3.4 Jumlah lima (5) hari bekerja mestilah bersamaan empat puluh (40) jam seminggu. Misalnya, seseorang kakitangan akademik mengetik (*thumbprint*) masuk bermula jam 10.00 pagi dan mengetik (*thumbprint*) keluar pada jam 3.00 petang, maka jumlah jam bekerja pada hari tersebut ialah lima (5) jam. Oleh yang demikian, kakitangan akademik itu perlu menggantikan pada hari yang lain bagi melengkapkan jumlah masa bekerja sebanyak empat puluh (40) jam seminggu.
- 3.5 Kehadiran waktu anjal ini terpakai kepada kakitangan akademik yang merangkumi Gred DG, DH, DS dan JU VK tanpa menjaskannya perkara-perkara berikut:
  - 3.5.1 Jumlah lima (5) hari bekerja atau bersamaan empat puluh (40) jam seminggu.
  - 3.5.2 Tugasan hakiki bagi jawatan akademik.
  - 3.5.3 Menghadiri mesyuarat di peringkat Jabatan/Pusat/Kulliyyah dan Universiti.
  - 3.5.4 Waktu-waktu perundingan yang diperuntukkan bersama pelajar.
- 3.6 Bagi kakitangan akademik yang memegang jawatan pentadbiran, perkara 3.5 di atas juga terpakai dan perlu mengetik (*thumbprint*) masuk tidak lewat dari jam 9:30 pagi.

#### **4. JUSTIFIKASI WAKTU ANJAL BEKERJA KAKITANGAN AKADEMIK**

- 4.1 Tugas kakitangan akademik adalah meliputi tiga (3) perkara utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Penyelidikan dan Penerbitan, Khidmat Masyarakat yang melebihi empat puluh (40) jam seminggu.
- 4.2 Tugas-tugas seperti perundingan dan khidmat masyarakat memerlukan kepada pembentukan jaringan bersama pihak-pihak luar yang tidak terikat dengan masa.
- 4.3 Waktu anjal ini dapat meningkatkan produktiviti kakitangan akademik di mana ianya tidak boleh terikat dengan waktu bekerja kakitangan pentadbiran di pejabat.
- 4.4 Waktu anjal ini juga dapat memantapkan penyampaian perkhidmatan serta menggalakkan budaya pembelajaran berterusan dan pembangunan diri sepanjang hayat.
- 4.5 Waktu anjal ini selari dengan IPTA dan IPTS-IPTS berstatus Universiti dan Kolej Universiti.

#### **5. TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling Jabatan Pendaftar Kolej Universiti INSANIAH Bilangan 05/2017: Waktu Anjal Bekerja Kakitangan Akademik ini berkuatkuasa mulai 15 Januari 2018.

**"PENEROKAAN KE ARAH KEBIJAKSANAAN"**



(**HAJI ABDULLAH BIN HAJI HASHIM, AMK., BCK.**)  
Pendaftar

Tarikh: 08 Januari 2018